

25/07/1997

Kerajaan yakin nilai ringgit pulih

RANTAU PANJANG, Khamis - Kerajaan yakin asas ekonomi negara yang kukuh akan membantu memulihkan kedudukan nilai ringgit Malaysia yang mengalami susut nilai sejak kebelakangan ini, dalam sedikit masa lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh, berkata beberapa petunjuk kekuatan asas ekonomi negara dengan kadar tabungan yang tinggi pada paras 38 peratus, inflasi terkawal di bawah empat peratus, manakala kadar faedah pula turut menyokong perkembangan itu.

Menurutnya, kerajaan sudah mengambil inisiatif bagi meningkatkan jumlah tabungan negara dengan menggalakkan orang ramai termasuk generasi muda menyemai tabiat suka menabung.

Sebuah jawatankuasa khas menabung sudah ditubuhkan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, dengan petunjuk kekuatan ekonomi negara itu, ia sudah tentu menjana minat orang ramai untuk menambah tabungan, sekali gus mengelak keraguan mana-mana pihak terhadap kekuatan asas ekonomi negara.

"Kedudukan nilai ringgit negara akan stabil tidak lama lagi dan ia bergantung kepada keadaan pasaran sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Pencegahan Kastam dan Eksais Diraja Rantau Panjang, dekat sini hari ini.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembalinya dari lawatan ke luar negara mendedahkan kejatuhan nilai matawang negara Asia Tenggara, termasuk ringgit Malaysia berpunca daripada tekanan tokoh kewangan antarabangsa, yang mempunyai agenda politik.

Bank Negara pula terpaksa campur tangan untuk mempertahankan ringgit apabila serangan spekulatif menular ke Malaysia selepas serangan serupa melanda baht Thai dan peso Filipina.

Dr Shafie berkata, beliau sudah menjelaskan keadaan kesusutan nilai ringgit Malaysia itu di persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung.

(END)